

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JULAI 2019

SENTIMEN : NEUTRAL

MUKA SURAT : 24

HARI : SELASA

PTPTN kutip RM6.23b daripada 1.13j peminjam

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjaya mengutip sejumlah RM6.23 bilion daripada 1.13 juta peminjam sejak 2013 hingga Mei lalu.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, mengikut julat umur 20 hingga 29 tahun, seramai 642,410 peminjam sudah membuat bayaran balik yang berjumlah RM3.33 bilion.

Katanya, sebanyak RM2.65 bilion pula dikutip daripada peminjam dalam julat umur 30 hingga 39 tahun.

"RM228.44 juta bayaran balik juga berjaya dikutip daripada peminjam dalam julat umur 40 hingga 49

tahun.

"Selain itu, RM16.148 juta dikutip daripada peminjam berusia 50 hingga 59 tahun manakala sebanyak RM367,234 bayaran balik dikutip daripada 80 peminjam berusia 60 tahun ke atas," katanya ketika menjawab soalan Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar) pada sesi Pertanyaan Lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Mohd Shahar sebelum itu bertanyakan perincian pembayaran semula pinjaman PTPTN mengikut pecahan umur daripada 2013 hingga Jun tahun ini.

Menurut Maszlee, untuk strategi dan dasar baharu bayaran balik PTPTN, satu

Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) disediakan serta dipaparkan untuk cadangan pandangan rakyat mulai 16 Mei hingga 13 Jun lalu.

Beliau berkata, dapatkan daripada KKR itu akan diperhalusi oleh satu panel penasihat khas bagi mengenal pasti cadangan terbaik yang akan digunakan sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN.

"Ia seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah

Menteri untuk kelulusan sekitar Ogos nanti," kata-nya.



DR. MASZLEE